

06 JUN 1997

Najib - Umno

UMNO TIDAK LINDUNGI PEMIMPIN SELEWENG, NAJIB

ALOR GAJAH, 6 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tindakan disiplin yang diambil oleh Majlis Tertinggi Umno terhadap dua pemimpin wanita dan seorang bekas Anggota Exco Kerajaan Negeri Melaka semalam sebagai tidak dapat dielak dalam usaha membersihkan parti itu.

"Keputusan berkenaan memberi maksud jelas bahawa Umno tidak akan melindungi sebarang bentuk penyelewengan dan tegas dalam usaha membersihkan parti daripada amalan gejala salahguna kuasa dan rasuah," kata Najib yang juga Menteri Pendidikan kepada pemberita selepas merasmikan bengkel manipulatif Sekolah Menengah Nanning di Simpang Ampat dekat sini hari ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Siti Zainab Datuk Abu Bakar dipecat daripada jawatannya itu selain digantung daripada keahlian parti bersama bekas setiausaha Wanita Umno, Senator Habshah Osman.

Siti Zainab yang juga bekas Bendahari Wanita Umno dan Habshah dikenakan tindakan itu selepas didapati bertanggungjawab menutup akaun dan memindahkan RM1.8 juta daripada akaun Wanita Umno secara salah tanpa pengetahuan Ketua Wanita ketika itu Datuk Seri Rafidah Aziz.

Najib berkata gambaran dan isyarat yang tegas bahawa apa juga bentuk penyelewengan tidak akan dibela atau dibebaskan daripada sebarang tindakan telah berulang-kali diberikan.

Proses pembersihan bermula dalam ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan parti yang lepas dan selepas itu berbagai-bagai isyarat, amaran dan teguran diberikan oleh pucuk pimpinan.

"Sampai masanya kita ambil tindakan supaya kredibiliti parti dan pucuk pimpinan tidak dipertikaikan. Kalau kita nak bersihkan parti dan kerajaan dan tidak mahu amalan dan gejala itu menjadi satu yang dibudayakan dan menjadi penyakit dalam parti yang boleh menghilangkan kepercayaan rakyat, maka kita kena ambil tindakan," katanya.

Najib berkata keputusan yang dibuat itu berat kerana mereka yang terbabit ialah tokoh Umno yang telah banyak berjuang dan berjasa kepada parti dan negara.

Bagaimanapun, Najib berkata: "Kita tidak ada pilihan apabila sesuatu telah terbukti kesalahannya...tindakan itu bukan bererti satu penafian kepada jasa dan pengorbanan mereka tapi ia tidak dapat dielak...tugas kita untuk tegakkan prinsip dalam perjuangan."

Beliau berkata keputusan MT itu merupakan satu ketetapan menyokong saranan dan hasrat Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya keputusan dan tindakan tegas diambil bagi menangani gejala itu.

Mengenai tindakan terhadap bekas anggota Exco Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Sahar Arpan, beliau berkata keputusan itu dibuat kerana beliau telah dihadapkan ke mahkamah bagi tuduhan rasuah.

"Umno tidak mahu apabila Sahar dibicarakan dalam mahkamah, kedudukannya dalam parti turut disiarkan kerana ia akan memalukan parti dan kerajaan," kata beliau.

Penggantungannya boleh dibatalkan jika beliau didapati tidak bersalah, katanya.

Najib juga berkata Kementerian Pendidikan akan mendapatkan nasihat Kementerian Kesihatan mengenai langkah yang perlu diambil ekoran merebaknya penyakit Cocksackie di Sarawak.

Katanya sebarang keputusan seperti arahan penutupan sekolah hanya akan dibuat selepas mendapat nasihat pakar perubatan.

Beliau ditanya demikian mengulas penutupan tadika dan pusat jagaan kanak-kanak di Sibul, Sarikei dan Kuching sebagai langkah mengawal penyakit itu.

Sebelum itu, Najib menyampaikan bantuan pakaian, kasut dan beg sekolah sumbangan Yayasan Melaka kepada 500 pelajar miskin dari kawasan Dewan Undangan Negeri Melekek. --BERNAMA

MOZ MAI